

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1974

**PERUBAHAN TANGGAGAJI UNTUK PENYANDANG
DAN PEMBEKALAN TANGGAGAJI BARU UNTUK
PENYANDANG**

Apabila gaji bersih dan syarat perkhidmatan baharu menurut perakuan Suruhanjaya Gaji Suffian dilaksanakan bagi kakitangan Lembaga Sekolah Bantuan Penuh (kecuali Guru-guru) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1972 ada terdapat beberapa tanggagaji untuk penyandang dan juga tanggagaji baru yang tidak lengkap. Kerajaan telah menimbangkan semula perkara ini dan memutuskan bahawa semua tanggagaji untuk penyandang dan tanggagaji baru yang tidak lengkap itu hendaklah dilengkapi dengan menambah satu kenaikan gaji lagi di peringkat gaji maksima tanggagaji jawatan yang berkenaan. Perubahan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1970.

Perubahan Tanggagaji untuk Penyandang

2. Tanggagaji untuk penyandang da'am Jadual Bilangan seperti berikut adalah diubah menurut sifir pemindahan di Lampiran "A" yang disertakan bersama Pekeliling ini:

Jadual Bilangan: 3, 7, 8 dan 11.

Pembekalan Tanggagaji Baru untuk Penyandang

3. Tanggagaji baru dalam jadual bilangan seperti di bawah ini adalah dibekalkan dengan tanggagaji baru untuk penyandang:

Jadual Bilangan: 1 dan 22.

Sifir Pemindahan kepada tanggagaji baharu untuk penyandang itu adalah seperti di Lampiran "B" yang disertakan bersama Pekeliling ini.

4. Walaubagaimanapun, pekerja yang layak berpindah ke atas tanggagaji baharu untuk penyandang itu adalah pekerja yang telah memilih tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan Suffian tempoh hari. Pekerja yang dilantik terus ke atas tanggagaji bersih hendaklah terus kekal atas tanggagaji itu.

Tarikh kenaikan gaji

5. Tarikh kenaikan gaji pekerja yang terlibat hendaklah diubahsuai mengikut rumusan yang dibentangkan dalam Lampiran "C" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1972.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR,
13hb Mac, 1974.